

AHAD, 2 Ogos, 1981

Aidilfitri dalam suasana yang baru

SUASANA menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini rasanya berlainan sedikit oleh beberapa perkembangan suasana di dalam dan di luar negeri. Inilah bagi kali pertama umat Islam menyambut hari raya di bawah kerajaan baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Terasa adanya angin baru yang segar dalam cara pimpinannya. Malah telahpun disetujui lawan dan kawannya bahawa kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu adalah kabinet bertindak — bekerja.

Perkembangan yang terbaru ialah pembebasan beberapa tokoh politik dan pemimpin badan-badan tertentu dari tahanan ISA. Pembebasan ini serta-merta memberikan isi kepada janji Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa nasib mereka yang ditahan juga tidak dilupakan. Telah pun dibayangkan bahawa pembebasan mereka itu juga adalah sebagai menyambut semangat Aidilfitri.

Rasa lega itu tidak pula diharapkan akan membibitkan berbagai tafsiran yang salah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, mengingatkan bahawa pembebasan beramai-ramai itu jangan sekali-kali ditafsirkan sebagai kekenduran Kerajaan terhadap sesuatu pihak. Rasanya suasana lega itu kini lebih berlegar di sekitar senangnya keluarga yang ditahan itu menghadapi hari raya dan zaman baru.

Suasana menyambut Hari Raya Aidilfitri ini tidak pula sama bila dijengah ke luar negara-negara Islam. Masih tetap berlangsung percakaran di antara beberapa pihak Arab, dan paling baru, nampaknya, bekas Perdana Menteri Iran, Dr. Bani Sadr, yang lari ke Perancis mula pula mengancam untuk menumbangkan Ayatollah Khomeini. Di samping masih adanya api pergeseran antara Iran dan Iraq, masih bernanah pula percakaran antara Barisan Pembebasan Palestin dan Israel.

Memanglah bukan semestinya suasana akan sepenuh-penuhnya reda, aman dan bahagia dalam sesuatu hari raya, tapi adalah diharapkan keadaan mesra itu akan sampai juga pada hari raya tahun hadapan.